

24 FEB 2001

Mahathir-Sawit

KERAJAAN BANTU PEKEBUN KECIL KELAPA SAWIT, KATA DR MAHATHIR

KUCHING, 24 Feb (bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir hari ini memberi jaminan yang kerajaan akan membantu pekebun kecil kelapa sawit yang pendapatan mereka terjejas akibat kejatuhan harga minyak kelapa sawit.

Kata Perdana Menteri sebagai kerajaan yang bertanggungjawab ia akan mencari jalan membantu rakyat yang menghadapi kesusahan.

"Tetapi kerajaan tidak boleh dipersalahkan sepenuhnya dalam soal kejatuhan harga minyak sawit," katanya pada persidangan media di akhir lawatan dua hari ke Sarawak di sini.

Beliau berkata rakyat harus ingat yang harga kelapa sawit pernah mencecah harga tertinggi RM2,400 setan. Sepatutnya ketika itu mereka menyimpan sebahagian daripada pendapatan.

"Kalau kita simpan masa kita senang, masa kita susah kita senang sikitlah," katanya

Perdana Menteri juga berkata para pekebun kecil kelapa sawit patut awal-awal lagi menyahut saranan kerajaan dulu supaya mereka menternak lembu di ladang kelapa sawit mereka.

"Kalau hari itu ternak lembu, sekarang musim hari raya korban harga lembu boleh naik sehingga dua kali ganda," katanya.

Dr Mahathir juga berkata parti pembangkang jangan hanya pandai mengkritik kerajaan dengan tuduhan kononnya kerajaan tidak dapat menyelesaikan masalah kejatuhan harga minyak kelapa sawit.

"Dia nak cakap pandailah...cuba dia nak tunjukkan cadangan dia dan kemukakan cadangan yang boleh selesaikan masalah ini segera...sekarang kita nak tengok dia selesaikan masalah ini," katanya.

Mengenai kemungkinan kenaikan harga barang ekoran kenaikan tarif air antara 20 hingga 75 peratus di Selangor, Dr Mahathir berkata para pekilang tidak seharusnya menaikkan harga terlalu tinggi.

Katanya apabila kerajaan menaikkan harga sesuatu barangan kerana tidak dapat dielak umpamanya harga minyak dan air, pekilang tidak boleh menaik-naikkan harga barang sebelum mengambil kira kenaikan kos sebenar.

"Umpamanya kalau kerajaan naikkan harga air dan dalam perniagaan pekilang kos gunakan air cuma dua peratus... jadi kalau harga air naik 100 peratus pun pekilang hanya boleh naikan harga barangan sebanyak dua peratus sahaja," katanya.

Mengenai rungutan pekilang bahawa kerajaan tidak memberikan notis kenaikan harga air, Perdana Menteri berkata soal itu tidak timbul.

"Dia kata kita tak bagi notis tetapi dah lama dah kita kata nak naik tetapi kita tunda...tunda beberapa kali dah dia tahu... bila naik dia kata tak bagi notis, tak bagi tahu," katanya.

Katanya sesetengah kilang tidak patut menaikkan harga air kerana mempunyai telaga tiub sendiri dan mereka tidak pernah membayar tarif air kepada kerajaan.

Mengenai projek Hidro Elektrik Bakun, Dr Mahathir berkata kerajaan tetap akan bina projek itu.

"Ia telah diambil alih oleh kerajaan, kita akan bina Empangan Bakun. Saiznya bergantung kepada keperluan... kita akan bina mengikut cara agar ia tidak membazir," kata beliau.

--BERNAMA

MT AZZ ZB